

10 JUN 2001

MAHATHIR NASIHAT ANGGOTA MCA SUPAYA SENTIASA BERBAIK

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan anggota-anggota MCA supaya sentiasa berbaik-baik demi kepentingan parti itu dan Barisan Nasional (BN).

Katanya jika parti itu rosak, ia boleh menjejaskan BN.

"Kita semua ada masalah, Umno pun ada masalah, semua parti ada masalah, kita selesaikan masalah itu," katanya ketika diminta mengulas mengenai masalah dalaman MCA berhubung pembelian saham Nanyang Press Holdings.

Pembelian saham itu oleh syarikat pelaburan MCA, Huaren Holdings telah menimbulkan bantahan di kalangan sebahagian anggota parti serta beberapa pemimpin atasan MCA.

Antara pemimpin atasan MCA yang membantah pembelian saham itu ialah timbalan presiden Datuk Lim Ah Lek dan dua naib presiden Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Chan Kong Choy serta ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat.

-- BERNAMA

AFY AFY NAK